

13 JUL 2000

Kadir-Pelancong

JUMLAH PELANCONG DIJANGKA MELEBIHI SASARAN AWAL K'JAAN

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Jumlah kedatangan pelancong ke negara ini pada tahun ini dijangka melebihi sasaran awal kerajaan, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini.

Menurut beliau, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan kerajaan pada awalnya meletakkan sasaran sebanyak 6.5 juta pelancong akan masuk ke negara ini sehingga Disember depan.

Ini kerana katanya jumlah kedatangan pelancong pada enam bulan pertama tahun ini sahaja telah mencapai lebih kurang lima juta orang, berbanding 6.2 juta orang pada sepanjang tahun 1999.

"Maka dengan ini kita percaya, kita mampu memecahkan sasaran awal kepada lapan juta pelancong sehingga akhir tahun ini dengan anggaran sumbangan sebanyak RM13 bilion dalam bentuk tukaran wang asing," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan status Lima Bintang kepada Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Sambil menyifatkannya sebagai satu pencapaian luar biasa, Kadir menambah kata kebanyakan pelancong yang tiba di sini adalah daripada negeri-negeri yang baru diterokai oleh kerajaan Malaysia seperti Asia Barat, India, China, Thailand dan juga Indonesia.

"Apa yang penting ialah kita mampu menarik pelancong yang berkualiti dan berkemampuan untuk berbelanja besar di negara ini," katanya.

Kadir juga melahirkan rasa gembira beliau dengan semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam industri pelancongan negara.

Pihak-pihak itu termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, hotel-hotel, perbadanan dan agensi pelancongan serta pemandu pelancongan akan terus digalakkan untuk berkerja sebagai satu pasukan untuk menarik kedatangan pelancong luar selain menyemarakkan lagi pelancongan domestik, katanya.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan kejadian jenayah yang berlaku di dalam negara, seperti kejadian di Sauk baru-baru ini yang memberi kesan negatif kepada pelancongan negara, Kadir berkata ianya tidak mempunyai kaitan.

Menurutnya kejadian jenayah tetap berlaku di mana-mana negara termasuk Malaysia, namun jelas ianya tidak akan menjejaskan kedatangan pelancong ke negara ini kerana keadaan adalah terkawal.

Bagaimanapun katanya, wujud kebimbangan di pihak kerajaan mengenai mutu perkhidmatan dan servis yang ditawarkan kepada pelancong masih belum mencapai standard yang diperlukan.

Kadir meminta pihak-pihak yang berkaitan dengan industri pelancongan supaya mempertingkatkan mutu perkhidmatan masing-masing agar setiap tetamu atau pelancong negara akan terus memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama mereka setiap masa.

-- BERNAMA

WNZ OS PR

MAHA: MALAYSIA SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan MAHA 2000, satu pameran produk berasaskan

pertanian serta pesta buah-buahan dan pelancongan khas, di Stadium Putra, Bukit Jalil pada 22 Julai ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Datuk Baseri Lamsah berkata MAHA atau Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pembangunan pertanian dan industri berasaskan pertanian bagi meningkatkan pengeluaran pertanian.

Tema pameran tahun ini "Ke Arah Industri Pertanian Berdaya Saing" menggambarkan aspirasi kerajaan untuk membangunkan produk pertanian di Malaysia selain memberi penekanan kepada peluang-peluang pengeluaran makanan hiliran, katanya pada majlis penyerahan barang tajaan untuk MAHA 2000 di sini hari ini.

MAHA 2000 akan diadakan selama sembilan hari bermula 22 Julai. Acara kemuncak MAHA 2000 ialah sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan pada bulan depan.

Sementara itu, Ketua Setiausaha kementerian Datuk Annuar Ma'aruf menerima barangan tajaan bernilai RM300,000 daripada penaja-penaja utama.

Penaja utama MAHA 2000 ialah Bank Pertanian Malaysia, CCMB Agrochemicals, Lembaga Totalistor Malaysia, Hills Science Plan, Alpo Dog Food dan Rolf C. Hagen (SEA). Hotel Pearl International dipilih sebagai hotel rasmi.

-- BERNAMA
CS AHH AKD